

## IBN AL-'ARABĪ TENTANG RAGAM FAHAM AGAMA (RELIGIOUS PLURALISM)

Oleh:

Mohd Sani Badron\*

### Abstract

*This article studies the issues of the plurality of religion and religious pluralism, with a special reference to the works of Muḥyi al-Dīn Ibn al-'Arabī. It investigates Ibn al-'Arabī's conception of religion and his view on the status of Islam vis-a-vis other traditions, especially Judaism and Christianity. Refuting the claim that Ibn al-'Arabī believed in the doctrine of the Transcendent Unity of Religions, this article also defines some key concepts that are fundamental to an Islamic framework for Civilizational Dialogue.*

### Pengenalan

Dalam dunia kontemporari, untuk menjamin agar proses Globalisasi akan berlaku adil terhadap semua pihak, terdapat anjuran supaya diadakan Dialog Antara Peradaban (*Civilizational Dialogue*) yang antara lainnya akan memperbahas isu kepelbagaian agama. Makalah ini khas bertujuan untuk memberi sumbangan dalam penyelidikan

---

\* Mohd Sani Badron (M.A.) adalah calon Doktor Falsafah dalam bidang Pemikiran Islam di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), UIAM. Beliau bertugas sebagai Sarjana Penyelidik di ISTAC, UIAM.

soal kepelbagaian faham agama; iaitu dengan menerangkan bagaimana boleh terdapat banyak pengertian agama yang berbeza lagi bertentangan di kalangan umat manusia. Isu tersebut akan digarap berdasar kepada tanggapan Ibn al-'Arabī (560/1165-638/1240). Tokoh Sufi ini dipilih kerana sekarang, khususnya di Barat, telah terbit banyak dakwaan kononnya karya-karya Ibn al-'Arabī sarat dengan konsep Kesatuan Agama, yang mempercayai bahawa semua agama, walaupun tampak saling bertentangan, adalah sama benar dan sama baik.<sup>1</sup> Sebelum dikemukakan perbincangan yang

<sup>1</sup> Lihat antaranya, Frithjof Schuon, *The Transcendent Unity of Religions*, yang merupakan terjemahan Inggeris daripada buku asal Perancis, edisi pertama (London: Faber & Faber, 1953), edisi kedua (New York: Harper & Row, 1975), edisi perbaikan dengan kata pengantar Houston Smith (Illinois: The Theosophical Publishing House, 1984). Sebahagian besar kandungan buku tersebut dicetak lagi dalam *The Essential Writings of Frithjof Schuon*, pengenalan dan diedit oleh Seyyed Hossein Nasr (New York: Amity House Inc., 1986). Lihat juga Bab IV, 'Ibnul 'Arabī's Religion' - Ethics and Aesthetics,' khasnya '§I. Ibnul 'Arabī's Universal Religion,' dalam A. E. 'Afiī (1979), *The Mystical Philosophy of Muhyid Din Ibnul Arabi*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf; Seyyed Hossein Nasr (1964), *Three Muslim Sages*, Cambridge: Harvard Univ. Press, h. 116-18; *idem.* (1972), *Sufi Essays*, London: George Allen and Unwin, h. 123-51; *idem.* (1981), *Knowledge and the Sacred*, New York: Crossroad, h. 280-308; *idem.* (1982), 'Response to Hans Küng's Paper on Christian-Muslim Dialogue,' *The Muslim World*, LXXVII (April 1982) 2, h. 96-105; William C. Chittick (1994), *Imaginal Worlds: Ibn al-'Arabī and the Problem of Religious Diversity*, New York: SUNY Press, h. 208 dan seterusnya; *idem.* (1991), 'A Sufi Approach to Religious Diversity, Ibn al-'Arabī on the Metaphysics of Revelation,' dalam Seyyed Hossein Nasr dan William Stoddart (Ed.) (1991), *Religions of the Heart: Essays Presented to Frithjof Schuon on His Eightieth Birthday*, Washington: Foundation for Traditional Studies, h. 50-90; *idem.* (1995), 'Stray Camels in China: Islam's Attitude Towards Other Religions with Special Reference to Chinese Religion,' kertas kerja yang dibentangkan dalam *International Seminar on Islam and Confucianism: A Civilizational Dialogue*, pada 12-14 Mac 1995, di University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Lihat juga Claude Addas (1996), 'The Ship of Stone,' dalam *The Journey of the Heart: Foundations of the Spiritual Life according to Ibn 'Arabī*. Ed. John Mercer, Oxford-San Francisco: Muhyiddin Ibn 'Arabī Society, h. 5-24; *idem.* (2000), *Ibn al-'Arabī: The Voyage of No Return*, terjemahan David Streight, Cambridge: The Islamic Text Society, h. 100; Charles A. Frazee (1967), 'Ibn al-'Arabī and Spanish Mysticism of the Sixteenth Century' dalam *Numen: International Review for the*

lebih terperinci dan rumit berliku berkaitan isu ini, terlebih dahulu akan diketengahkan takrifan agama menurut Ibn al-'Arabī, yang kemudiannya akan menjadi titik-tolak perbincangan tajuk-tajuk lain yang lebih kecil di bawahnya sebagai huraian dan penjelasan kepada pokok persoalan.

### Definisi Agama Menurut Ibn al-'Arabī

Agama yang terucap dalam kalimah *dīn* dan *islām* telah ditakrif oleh Ibn al-'Arabī sebagai kepatuhan (*al-inqiyād*) kepada *Shara'*,<sup>2</sup> iaitu 'kepatuhan zahir dan batin terhadap seruan al-Haqq, menurut ciri-ciri yang telah ditentukan-Nya.'<sup>3</sup> Bertitik-tolak dari takrifan ini, tumpuan berikut makalah ini akan memperhalusi empat dimensi takrifan tersebut, yakni: (1) perlakuan menyerah zahir dan batin; (2) oleh manusia yang patuh; (3) kepada Tuhan yang dipatuhi; (4) mengikut tatacara patuh kepadaNya (*Shari'ah* dan *Minhāj*).

Dalam perbincangan yang berikut, perkara (2), (3) dan (4) akan dibicarakan terlebih dahulu sebelum perkara (1) menutup perbincangan makalah ini.

- 
- History of Religions* XIV (November 1967) Fasc. 3, h. 229-40; Michel Chodkiewicz (1995), *The Spiritual Writings of Amir 'Abd al-Kader*, terjemahan James Chrestensen dan Tom Manning *et al.*, Albany: SUNY Press, h. 18-20; Edward J. Jurji (1938), 'The Conciliatory Tone of Ibn 'Arabī', dalam *The Muslim World* XXVI (1938), h. 28-42; Dom Sylvester Houédard (1993), 'Ibn 'Arabī's Contribution to the Wider Ecumenism,' dalam *Muhyiddin Ibn 'Arabī: A Commemorative Volume*, ed. Stephen Hirtenstein dan Michael Tiernan (Dorset: Element, 1993), h. 291-306.
- <sup>2</sup> Ibn al-'Arabī (1980), *Fuṣūṣ al-Ḥikam wa al-Khuṣūṣ al-Kalīm*, ed. Abū al-'Alā 'Afīfī, 2 juz. dalam 1 jil., Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī, 1946, (second impression), 1: 94. Bagi Ibn al-'Arabī, *Shar'* adalah sinonim dengan *amr al-wāsiṭah*, *al-amr al-taklīfī* dan *al-amr al-jalī*. Lihat Bab 8 *Fuṣūṣ* dan Ibn al-'Arabī (1948), 'Naqsh al-Fuṣūṣ', dalam *Rasū'il Ibn al-'Arabī*, 2 juz. dalam 1 jil., Hyderabad-Deccan: The Dā'irat al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah, jil. 2, risalah no. 27; Ibn al-'Arabī (t.t.), *al-Futūḥāt al-Makkiyyah fī Ma'rīfat al-Asrār al-Mālikiyyah wa al-Mulkiyyah*, 4 jil., Cairo: 1911. Cetak ulang Beirut: Dār Ṣādir, t.t., 2: 218, 588; 3: 217; 4: 350.
- <sup>3</sup> *Ibid.*, 1: 668. Kedua-dua takrifan ini mesti difahami bersekali dengan satu lagi takrifan yang diberi oleh Ibn al-'Arabī; lihat di bawah tajuk: 'Tatacara Patuh kepada Tuhan: *Shari'ah* dan *Minhāj*'.

## Huraian Peri Takrif Agama Menurut Ibn al-'Arabī

### 1. Umat Manusia Wajib Patuh Beragama Sebagai Menunai Perjanjiannya dengan Tuhan

Manusia itu, menurut Ibn al-'Arabī, asalnya satu umat (*ummah wāḥidah*)<sup>4</sup> dalam mengakui akan wujud, keesaan dan ketanzihan Yang Maha Pencipta;<sup>5</sup> makna asal ikrar mutlak ini terletak pada Penjanjian mereka dengan Tuhan,<sup>6</sup>

Ketika Tuhanmu mengejuarkan daripada Anak Adam - dari belakang mereka - zuriat mereka dan menyuruh mereka mengangkat saksi terhadap diri mereka dengan berkata: 'Bukankan Aku ini Tuhanmu?' Mereka menjawab: 'Bahkan, kami saksikan!'<sup>7</sup>

Sesungguhnya manusia telah menyatakan ikrar atau *taṣḍīq* mutlak akan kewujudan Allah sebagai *al-Ḥaqq* (Yang Mahabener), *al-Rabb* (Tuhan), Raja (*Mālik*), dan Tuan (*Sayyid*). Ia juga bermakna pengikraran mereka akan kehambaan (*'ubūdiyyah*) kepadaNya. Justeru pengakuan mereka turut bererti, dalam ajaran Ibn al-'Arabī, penafian sekutu Allah dalam KetuhananNya (*sharīk*).<sup>8</sup>

<sup>4</sup> Ibn al-'Arabī (1410/1989), 'Ijāz al-Bayān fī al-Tarjamah 'ay al-Qur'ān', dicetak dalam jil. 1, *Rahmah min al-Rahmān fī Tafsīr wa Ishārāt al-Qur'ān min Kalām al-Shaykh al-Akbar Muḥyi al-Dīn Ibn al-'Arabī*, dikumpul dan disusun oleh Maḥmūd Maḥmūd al-Ghurāb, 4 jil., Damascus: Matba'ah Nadr, 1: 318, seterusnya disebut sebagai *Rahmah*. Istilah *ummah wāḥidah* yang diguna oleh Ibn al-'Arabī adalah dari *al-Baqarah*, 2: 213.

<sup>5</sup> Lihat misalnya, Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 70 (baris 7).

<sup>6</sup> Terjemahan al-Qur'an umumnya (tetapi tidak eksklusif) dari usaha Department Agama Republik Indonesia.

<sup>7</sup> Ayat 172 Surah *al-A'raf* ini acap kali ditemui dalam *Futūḥāt*. Petikan penuh atau sebahagiannya kedapatan pada tidak kurang daripada tiga belas tempat: 1: 381 (baris 28), 670 (baris 15); 2: 70 (baris 11), 170 (baris 30), 247 (baris 19), 618 (baris 24); 3: 23 (baris 26), 248 (baris 30), 284 (baris 34); 4: 57 (baris 9), 122 (baris 21), 133 (baris 17), 254 (baris 12), 268 (baris 16). Dipetik juga dalam Ibn al-'Arabī (1919), 'Kitāb 'Uqlat al-Mustawfīdh', dalam H. S. Nyberg (Ed.) (1919), *Kleinere Schriften des Ibn al-'Arabī*, Leiden: E. J. Brill, h. 97. Juga terbayang isyaratnya dalam *Futūḥāt*, 2: 213 (baris 8), 690 (baris 30); 3: 566 (baris 1); 4: 58 (baris 15), 349 (baris 22). Untuk tafsiran Ibn al-'Arabī, lihat contohnya Ibn al-'Arabī, *Rahmah*, 2: 186-90.

<sup>8</sup> Lihat khasnya Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 3: 24 (baris 13).

Bagi Ibn al-'Arabī, ikrar inilah fitrah yang dengannya manusia diciptakan Allah,<sup>9</sup> persis sabda Rasulullah, 'setiap anak adalah dilahirkan dalam *fitrah*'.<sup>10</sup> Ini menjadikan manusia asalnya suci dalam kehambaan kepada al-Rabb Ta'ālā dan dalam menafikan yang lain dariNya.<sup>11</sup>

Berikutan dengan itu manusia harus membuktikan kebenaran dakwaan pengabdianya terhadap ketuhanan Allah dengan menunaikan tanggungjawabnya,<sup>12</sup> iaitu dengan taat kepada Allah yang menguji sejauh mana kebenaran dakwaan mereka melalui taklif perintah dan larangan.<sup>13</sup>

## 2. Tuhan Wajib Dipatuhi dengan Sehabis Kemampuan Diri

Tentang i'tiqad manusia mengenai Tuhan, Ibn al-'Arabī memiliki pandangan yang sangat luas, yang disebutnya sebagai '*azīmat al-fā'idah ṣahīhat al-aṣl*'. Allah telah memberi manusia *nazar* untuk merenung, berfikir dan mengambil i'tibar. Tanggungjawab paling minima seseorang itu adalah untuk menggunakan nazarnya 'sehabis kemampuan' dengan maksud bagi mencapai kebenaran mengenai kewujudan Allah. Beliau menunjuk firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan barangsiapa menyembah tuhan yang lain di samping Allah, padahal tiada bukti (*burhān*) pun

<sup>9</sup> Ibn al-'Arabī, *Ijāz al-Bayān*, h. 318.

<sup>10</sup> Hadith '*Muttafaq 'alayh*', lihat al-Bukhārī, *al-Ṣahīh*, K. Janā'iz, 80 dan 92, K. Tafsīr, 30: 1; Muslim, *al-Jāmi' al-Ṣahīh*, K. Qadar, 22-14. Mengenai sumber hadith ini, lihat Su'ād al-Hakīm, *Al-Mu'jam al-Sūfi: Al-Hikmah fī Hudūd al-Kalimah*, Beirut: Dandarrah lī al-Tibā'ah wa al-Nashr, 1267n37; A.J. Wensinck *et.al.* (1936-69), *Concordance et Indices de la Tradition Musulmane*, 6 jil., Leiden: E. J. Brill, 5: 179-80. Ibn al-'Arabī membicarakan hadith ini dalam *Futūhāt*, 1: 670 (baris 15-18); 2: 70 (baris 11), 170 (baris 30), 616 (baris 20), 690 (baris 31); 4: 57 (baris 10) dan dalam '*Uqlat al-Mustawfīdh*', h. 97.

<sup>11</sup> Lihat Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 1: 57 (baris 27), 381 (baris 28); 4: 57 (baris 11); juga 3: 378 (baris 1). Selanjutnya lihat *Ibid.*, 2: 690 (baris 30) dan 3: 24 (baris 31), 117 (baris 9).

<sup>12</sup> *Ibid.*, 3: 284 (baris 33) dan 4: 268 (baris 12).

<sup>13</sup> Lihat penjelasan menarik *Ibid.*, 3: 284 (baris 33 dan seterusnya), juga 4: 122 (baris 21).

baginya tentang itu, maka sesungguhnya perhitungannya di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tiada beruntung. Dan katakanlah (wahai Rasul): 'Ya Tuhan! berilah ampun dan berilah rahmat, dan Engkau adalah Pemberi Rahmat Yang Paling baik.' (*al-Mu'minūn*, 23: 117)

Dalam hal ini, kedudukan manusia berbeza-beza. Ada yang jadi musyrik dan ateis (*mu'attil*) dengan sekadar menuruti orang lain tanpa menggunakan akalnya sendiri. Mungkin ada pula yang musyrik dan *mu'attil* berdasarkan bukti yang mereka percayai setelah merenung, berfikir dan mengambil i'tibar. Ada yang mengetahui keesaan Allah tetapi tanpa iman kepada Rasul kerana tidak dibangkitkan kepadanya Rasul, atau kerana mereka hidup sewaktu *fatrah* (zaman terputusnya pengutusan sebarang rasul). Ada yang mengetahui keesaan Penciptanya tetapi tidak beriman kepada Rasul yang diutuskan kepadanya. Malah yang bertawhid melalui iman kepada Rasul pun memiliki berbagai martabat. Masing-masing akan dibalasi oleh Allah dengan selayaknya.<sup>14</sup> Apapun, bagi Ibn al-'Arabi, dalam hubungan sesama manusia, adalah menjadi satu kewajiban untuk bersikap *shafaqah* kepada ciptaan Allah, dan *rahmah* terhadap hamba-hambanya; bagi seseorang Muslim, seseorang yang kafir adalah saudaranya yang berasal daripada diri yang satu (*nafs wāhidah*); seseorang yang beriman pula adalah saudara dalam agama (*dīn*) dan bantuan (*si'ād*).<sup>15</sup>

Apa yang diketahui oleh akal mengenai Tuhan, tidaklah sejelas apa yang diketahui melalui Tanzil.<sup>16</sup> Setiap ahli fikir

<sup>14</sup> Ayat yang menjadi sumber perbahasan, iaitu Surah *al-Mu'minūn*, 23: 117, dibicarakan dalam *Futūḥāt*, 1: 405, 2: 412, 477, 559, 612; 409, 3: 71, 94, 285 (baris 2 dan seterusnya), 309.

<sup>15</sup> Lihat selanjutnya *Ibid.*, 3: 381. Semua manusia berasal dari diri yang satu (*nafs wāhidah*), lihat *al-Nisā'*, 4: 1; *al-An'ām*, 6: 98; *al-A'rāf*, 7: 189; dan *al-Zumar*, 39: 6.

<sup>16</sup> Mengenai *tawḥīd* menerusi akal, lihat Souad Hakim (1993), "Knowledge of God in Ibn al-'Arabi," dalam Stephen Hirtenstein dan Michael Tiernan (Ed.) (1993), *Muḥyiddīn Ibn 'Arabi: A Commemorative Volume*, Element: Dorset, h. 269-70 ('... for Ibn al-'Arabi, intellectual, or

mempunyai faham yang berlainan hingga menerbitkan kewujudan pelbagai *firaq* yang berpegang kepada renungan masing-masing, di mana ada yang betul dan ada yang salah. Maka Allah mengutus para Nabi, sebagai pemberi khabar gembira kepada mereka yang betul dalam renungannya, dan pemberi peringatan kepada yang tersalah agar kembali kepada yang benar; kepada mereka ini para Nabi memperincikan yang benar dan yang salah.<sup>17</sup> Di sini pembaca harus dapat melihat bahawa konsep Agama-Tanzil Ibn al-'Arabī tergolong dalam jenis *Prophetic*, yang bertentangan dengan jenis *Incarnational* anutan Kristian. Maknanya, apabila Ibn al-'Arabī menyatakan bahawa Islam itu Agama-Tanzil, beliau bermaksud bahawa Allah Ta'ala mengenalkan DiriNya kepada manusia menerusi KalamNya yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad; berlawanan dengan ini, apabila seseorang Kristian menyatakan bahawa agama Kristian itu *Revealed Religion*, maksudnya adalah, Tuhan mengenalkan DiriNya kepada manusia secara menjelma dalam oqnum anaknya, 'Isā al-Masih (*Jesus Christ*).<sup>18</sup>

### 3. Tatacara Patuh kepada Tuhan: *Shari'ah* dan *Minhāj*

Tatacara kepatuhan kepada Tuhan telah diistilahkan oleh Ibn al-'Arabī sebagai *Shari'ah* dan *Minhāj* para Nabi-Nya. Bahkan - sebagai bukti peri pentingnya dimensi ini dalam agama -

---

philosophical reason is incapable of knowing God in an efficient way....'), h. 277-78 ('Intellect knows God in an abstract, purified manner, and is unable to describe Him....'). Harus dicatat bahawa Mortimer J. Adler (1980), *How to Think about God: A Guide for the 20<sup>th</sup>-Century Pagan*, Collier: New York, h. 154, mengakui bahawa: 'natural theology is very, very thin', sambil memetik William Temple, Archbishop of York, bahawa *natural theology*: 'ends in a hunger which it cannot satisfy.'

<sup>17</sup> Lihat Ibn al-'Arabī, *Ijāz*, 318-20, tafsir kepada *al-Baqarah*, 2: 213.

<sup>18</sup> Lihat tipologi *Revealed Religion* yang diusulkan oleh kajian dialektik yang dibuat di Institute for Philosophical Research, Chicago, Amerika Syarikat: John Edward Sullivan (1978), 'The Idea of Religion - Part Two', *The Great Ideas Today 1978*, Chicago: Encyclopaedia Britannica, Inc., h. 298.

Ibn al-'Arabī pernah pula mempertegas takrifan Agama sebagai 'Undang-Undang Allah bagi Masa Tertentu, yang ditanzilkan dalam setiap zaman kerasulan, dan disampaikan kepada tiap-tiap masyarakat rasul tersebut' (*al-Dīn huwa Shar' al-waqt fī kull zamān wa millah*).<sup>19</sup> Di samping itu harus juga diingatkan di sini bahawa, tinjauan disiplin falsafah-agama pada umumnya adalah berkenaan bentuk 'agama' yang tersusun-atur dan terlembaga dalam masyarakat (*organized and institutionalized religions that involve communities*).<sup>20</sup>

### a) Para RasulNya, Kitab, dan Shariah Memperjelas Perkara Ketuhanan

Menurut Ibn al-'Arabī, Allah menurunkan bersama para Nabi Kitab-Kitab yang haqq, untuk mereka memberikan keputusan di antara manusia tentang perkara-perkara yang diperselisihkan. Dengan itu, hakim yang memutuskan di antara manusia yang berselisih mengenai perkara-perkara ketuhanan dan teologikal adalah Allah sendiri.<sup>21</sup>

Justeru, shari'ah, kitab-kitab, para rasul dan anbiya' diturunkan supaya manusia mengenal Allah lebih daripada apa yang dicapai hanya dengan renungan akal.<sup>22</sup> Perutusan Tuhan kepada para Rasul terbahagi kepada dua: pertama, perkhabaran mengenai DhatNya, Sifat-sifat *Tanzih*Nya, dan Sifat-sifat *Af'āl*Nya; kedua, mengenai perintahNya dan laranganNya, yang merangkum aḥkām yang lima; wajib, sunat (*mandūb*), haram (*maḥzur*), makruh dan harus (*mubāh*).<sup>23</sup> Para rasul menetapkan perbuatan-perbuatan yang mendekatkan diri kepada Allah, dan memberitahu apa-apa yang ada diciptakan Allah (dari sekalian perkara yang boleh diciptakan) yang tidak diketahui manusia, dan apa-apa yang akan berlaku antara umat manusia dengan Tuhan pada

<sup>19</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 4: 445.

<sup>20</sup> Lihat contohnya, Mortimer J. Adler (1990), *Truth in Religion: the Plurality of Religions and the Unity of Truth*, New York: Collier, h. 45-46.

<sup>21</sup> Ibn al-'Arabī, *Ijāz*, h. 318-20.

<sup>22</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 1: 325 (baris 4).

<sup>23</sup> *Ibid*, 2: 257 (baris 17).



masa hadapan di Hari Kebangkitan (*al-ba'th*), Kiamat (*al-nushūr*), Perhimpunan (*hashr*), Syurga (*al-jannah*) dan Neraka (*al-nār*). Ini adalah perkara-perkara usul yang menjadi sandaran (*mustanad*) dan pertimbangan (*mu'abbar*) dalam agama.<sup>24</sup>

Dalil Ibn al-'Arabī yang utama adalah kenyataan Allah dalam al-Qur'an bahawa 'Untuk tiap-tiap di antara kamu (para Rasul) Kami tetapkan aturan (*shir'ah*) dan jalan yang terang (*minhāj*).'<sup>25</sup> Bagi Ibn al-'Arabī, *minhāj* merujuk kepada 'selubung' atau 'titik-temu' atau 'ciri-penghimpun' kesemua agama para Nabi (*dīn al-anbiyā'*),<sup>26</sup> seperti mengesakan Allah, bersatu dalam menegakkan undang-undangNya, dan mengabdikan diri kepadaNya.<sup>27</sup> Dalam tiga perkara tadi, tiada apa-apa pun yang telah ditambah oleh Allah dalam ajaranNya kepada seseorang nabi berbanding dengan kepada seseorang nabi yang lain (q.v. '*mā thamma amr zā'id*').<sup>28</sup> Namun demikian, walaupun tiada perkara tambahan (*amr zā'id*), di sana ada pula beberapa perbezaan (*ikhtilāf*) mengenai hukum-hukum antara para Rasul. Ini berlaku dalam medan *Shir'ah*,<sup>29</sup> yakni ketetapan amal (*ta'yīn al-a'mal*),<sup>30</sup> yang ditentukan oleh Allah (*maj'ūlah bi-ja'l Allāh*).<sup>31</sup>

Datangnya rasul-rasul dengan berurutan (*tatābu'*) adalah kerana ada bermacam zaman dan hal.<sup>32</sup> Akan tetapi harus

<sup>24</sup> *Ibid.*, 1: 324 (baris 32).

<sup>25</sup> Surah *al-Mā'idah*, 5: 48. Lihat Ibn al-'Arabī, *Rahmah*, 2: 26-8.

<sup>26</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 3: 413 (baris 16), 414 (baris 18), 4: 444 (baris 2); *idem.*, *Ījāz*, 32. Berikut dikemukakan padanan perkataan Arab dengan terjemahan Melayu saya: selubung: *al-a'mal al-sāriyah*; titik-temu: *ijtimā'*; ciri-penghimpun: *al-ṣifah al-jāmi'ah* atau *amr jāmi'*.

<sup>27</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 2: 414 (baris 15), 3: 413 (baris 16).

<sup>28</sup> *Ibid.*, 4: 444 (baris 2).

<sup>29</sup> *Ibid.*, 3: 413 (baris 16)

<sup>30</sup> *Ibid.*, 2: 414 (baris 14).

<sup>31</sup> *Ibid.*, 2: 217 (baris 5). Juga 3: 164 (baris 33).

<sup>32</sup> *Ibid.*, 1: 324 (baris 32). Sebab-sebab mengapa ada perbezaan *sharī'ah* bukanlah sekadar kerana ada bermacam *azmān* dan *aḥwāl* seperti yang diterangkan dalam rujukan ini, tetapi juga kerana ada berbagai (mengikut urutan) *niṣab 'ilāhiyyah*, *aḥwāl 'ilāhiyyah*, *azmān*, *ḥarakat al-falakiyyah*, *tawajjuhāt al-Ḥaqq*, *maqāṣid 'ilāhiyyah*, *tajalliyāt 'ilāhiyyah*, yang disebabkan pula oleh *ikhtilāf sharā'i'*. Lihat *ibid.*, 1: 265.

diingat juga bahawa tiap-tiap rasul membenarkan pula temannya yang lain yang datang dalam zaman dan keadaan yang lain. Justeru, walaupun ada perbezaan dari segi ahkam, tidak ada langsung sebarang perselisihan yang tidak sefaham dalam perkara-perkara usul.<sup>33</sup>

Jangkamasa bagi hukum amal-amal agama yang ditetapkan Allah melalui para RasulNya berakhir dengan datangnya hukum RasulNya yang lain (*naskh*),<sup>34</sup> persis firmanNya, 'Bagi tiap-tiap masa (*ajal*), ada Kitab [yang diTanzilkan], Allah menghapuskan apa yang Dia kehendaki dan menetapkan (apa yang Dia kehendaki), dan di sisiNya terdapat Umm al-Kitāb.'<sup>35</sup> Sebab itu bagi Ibn al-'Arabi, Agama adalah 'Undang-Undang Allah bagi Masa Tertentu, yang ditanzilkan dalam setiap zaman kerasulan, dan kepada tiap-tiap masyarakat rasul tersebut' (*al-Dīn huwa Shar' al-waqt fī kull zamān wa millah*). Ibn al-'Arabi memetik firmanNya:

Dia telah menshari'atkan bagi kalian mengenai agama (*shara'a lakum min al-Dīn*) apa yang telah Dia pesankan kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) dan apa yang telah Kami pesankan kepada Ibrahim, Musa dan Isa, iaitu: tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah-belah tentangnya.<sup>36</sup>

<sup>33</sup> *Ibid.*, 1: 324 (baris 32).

<sup>34</sup> *Ibid.*, 3: 61 (baris 16), 2: 414 (baris 14). Lihat juga 4: 131 (baris 9).

<sup>35</sup> Surah *al-Ra'd*, 13: 38-9; lihat Ibn al-'Arabi, *Futūhāt*, 2: 534, 552; 3: 61.

<sup>36</sup> Surah *al-Shūrā*, 42: 13. Sambungannya hingga ayat 17 cukup menarik: 'Amat berat bagi orang-orang musyrik, agama yang kamu seru mereka kepadanya. Allah menarik kepada agama itu sesiapa yang dikehendakiNya, dan (Allah) memberi petunjuk kepada agama itu orang yang kembali kepadaNya. Dan mereka tidak berpecah-belah melainkan sesudah datangnya pengetahuan kepada mereka kerana kedengkian antara mereka. Kalau tidaklah kerana Kalimah (Ketetapan yang telah ada) dari Tuhanmu dahulunya (untuk menanggihkan azab) sampai kepada waktu yang ditentukan, pastilah mereka telah dibinasakan. Dan sesungguhnya orang-orang yang diwariskan kepada mereka al-Kitab sesudah mereka, benar-benar berada dalam keraguan yang menggoncangkan tentang Kitab itu (*la-fī shakk min-hu murīb*). Maka kerana itu serulah (mereka kepada agama itu) dan tetaplah sebagaimana diperintahkan kepadamu dan janganlah mengikuti hawa

Ibn al-'Arabī mengaitkan ayat ini dengan salah satu bab dalam kitab *Sahīh* Imām Bukhārī, *bāb mā jā'a al-anbiyā' dinu-hum wāhid*.<sup>37</sup> Iaitu yang mengandungi hadith Rasulullah s.a.w., '*Al-anbiyā'u ikhwatun li-'allātin, ummahātu-hum shattā wa dinu-hum wāhid*' (Para Nabi adalah saudara sebapa. Ibu mereka berlainan, dan agama mereka satu).<sup>38</sup> Setiap Agama para Nabi adalah satu (*dīn al-anbiyā' wāhid*)<sup>39</sup> dengan erti semua Agama datangnya dari Allah, walaupun dengan ingatan bahawa terdapat beberapa perbezaan hukum-hakam (*aḥkām*) shari'ah.<sup>40</sup>

Bagi Ibn al-'Arabī tidak dibolehkan bagi seseorang itu melampaui lunas amalan-amalan yang dishari'atkan Allah. Ibn al-'Arabī mengingatkan bahawa apabila shari'ah para Nabi itu berbeza, ada perkara yang diharamkan oleh Allah dalam shari'ah seseorang Nabi, dihalalkanNya pula dalam shari'ah yang kemudian. Hukum shari'ah yang datang terkemudian menghapuskan kuatkuasa hukum shari'ah yang terdahulu. Sesiapa yang hidup dalam zaman terkemudian,

---

nafsu mereka dan katakanlah: 'Aku beriman kepada semua Kitab yang diturunkan Allah dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allahlah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amal-amal kami dan bagi kamu amal-amal kamu. Tidak patut ada sebarang pertengkaran antara kami dengan kamu. Allah menghimpunkan kita bersama dan kepadaNya lah tempat kembali semuanya.' Dan orang-orang yang membantah Allah sesudah agama itu diterima maka bantahan mereka itu sia-sia sahaja di sisi Tuhan mereka. Mereka mendapat kemurkaan dan bagi mereka azab yang sangat keras. Allahlah yang menurunkan Kitab dengan *Ḥaqq* dan *Mizān*.'

<sup>37</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 414 (baris 15), 3: 413 (baris 14).

<sup>38</sup> Hadith ini dipetik al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr (1992), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, 8 vols., Istanbul: Kahraman Yaymlari, 7: 182-183, riwayat Abū Hurayrah dan dirakam al-Imām al-Bukhārī (1992), *al-Jāmi' al-Sahīh (Kitāb al-Anbiyā')*, 4 jil., Dār Sahnūn & Çağrı Yaymlari, dalam jil. 2, *Mawsū'at al-Sunnah: al-Kutub al-Sittah wa Sharḥuhā*, 4: 142. Untuk syarahnya, lihat Badr al-Dīn al-'Aynī (t.t.), '*Umdat al-Qāri*', 25 juz. dalam 12 jil., Beirut: Dār Iḥyā' Turāth al-'Arabī, 16: 36; dan al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar al-Asqalānī (1978), *Fath al-Bārī*, 28 juz. dalam 14 jil., al-Azhar: Maktabat al-Kulliyāt al-Azhariyyah, 13: 249.

<sup>39</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 414 (baris 18), 3: 413 (baris 14), 4: 444 (baris 2).

<sup>40</sup> *Ibid.*, 3: 413 (baris 14).

tetapi menurut apa-apa yang telah dinasakahkan dalam shari'ah yang terdahulu, maka dia telah menurut hawa nafsunya, seperti firman Allah Ta'ālā maksudnya:

Hai Dāwūd, sesungguhnya Kami menjadikanmu khalifah di bumi, maka berilah keputusan di antara manusia dengan yang haq, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan.<sup>41</sup>

Bagi Ibn al-'Arabī, ayat ini adalah perintah mutlak untuk melaksanakan titah perintah Allah (*tamshiyati awāmīr Allāh wa infādih kalimāti-Hi lā ghayr*).<sup>42</sup> Ibn al-'Arabī menjelaskan bahawa dalam ayat ini, sementara makna 'yang haqq' adalah wahyu yang ditanzilkan Tuhan,<sup>43</sup> 'al-hawā' pula merujuk kepada kesukaan atau keinginan diri (sama ada diri sendiri ataupun diri orang lain) yang tidak menepati perintah atau larangan shari'ah yang diwahyukan,<sup>44</sup> yang merupakan hukum al-Haqq.<sup>45</sup> Hawa nafsu hanya menjatuhkan<sup>46</sup> seseorang dari darjat khilāfah<sup>47</sup> kerana hawa nafsu membingung dan merosak lagi membutakannya dari memutuskan sesuatu menurut tuntutan jalan yang di-shari'atkan Allah.<sup>48</sup>

## b) Mendebat Pandangan Relativis tentang Nabi Muhammad dan Shariah Baginda

Berdasarkan kepada huraian beliau, Ibn al-'Arabī tampaknya telah menjangka akan terdapat para relativis yang mendebat

<sup>41</sup> Untuk tafsir Ibn al-'Arabī kepada Surah *Ṣād*, 38: 26 ini, lihat Ibn al-'Arabī, *Rahmah*, 3: 509-10.

<sup>42</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 2: 96 (baris 16).

<sup>43</sup> *Ibid.*, 4: 107 (baris 5), 155 (baris 32).

<sup>44</sup> *Ibid.*, 2: 96 (baris 16), 336 (baris 6); 3: 138 (baris 3, baris 18); 364 (baris 14); 4: 107 (baris 5), 155 (baris 32).

<sup>45</sup> *Ibid.*, 2: 96 (baris 16).

<sup>46</sup> Dalam bahasa Arab, 'menjatuhkan' adalah '*yahwi'*, dari akar kata yang sama dengan *hawā*.

<sup>47</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 2: 308 (baris 3).

<sup>48</sup> *Ibid.*, 2: 336 (baris 7).

bahawa semua manusia menuju Allah<sup>49</sup> dengan jalan (iaitu agama) masing-masing.<sup>50</sup> Bagi Ibn al-'Arabī, 'sabil Allāh' dalam ayat 26 surah *Ṣād* tersebut<sup>51</sup> adalah shari'at Allah secara khusus kepada seseorang Nabi untuk umatnya,<sup>52</sup> demi kebahagiaan mereka di Akhirat (*dār al-qarār*).<sup>53</sup>

Yakni, memanglah semua jalan [agama] itu menuju Allah, kerana Allah adalah Hujung Terakhir Yang Penghabisan (*muntahā*,<sup>54</sup> *ghāyah*<sup>55</sup>) bagi mana-mana jalan [agama], kerana memang 'kepadaNya dikembalikan kesemua urusan.'<sup>56</sup> Tetapi, Ibn al-'Arabī mengingatkan bahawa tidak semua manusia yang kembali kepadaNya itu berbahagia. Jalan bahagia (*tariq al-sa'ādah*) adalah jalan yang di-shari'atkan,<sup>57</sup> dan shari'ah merupakan pusat kenikmatan (*al-mahajjah al-baydā'*) bagi mereka yang berbahagia (*mahajjah al-su'adā'*).<sup>58</sup> Ini bermakna, pada hari Akhirat, mereka yang beriman kepada Allah dan mentaati shari'ahNya akan mencapai Kebahagiaan Hakiki, dan mereka yang mengkufuriNya dan menyanggah shari'ahNya akan mengalami Kesengsaraan (*al-shaqā'*).<sup>59</sup> Ibn al-'Arabī pernah memberi amaran:

Harapan [yang palsu] itu tipudaya. Maka janganlah engkau mengharap Allah dengan sesuatu keinginan sedangkan engkau bertindak bukan melalui jalan yang akan menghasilkannya .... Tak boleh tidak

<sup>49</sup> *Ibid.*, 3: 191 (baris 30).

<sup>50</sup> *Ibid.*, 2: 148 (baris 11), 217 (baris 14). Rujuk nota 1 di atas.

<sup>51</sup> *Ibid.*, 3: 191 (baris 30).

<sup>52</sup> *Ibid.*, 4: 107 (baris 1, baris 5); juga 2: 336 (baris 7).

<sup>53</sup> *Ibid.*, 4: 48 (baris 34). Pesan Ibn al-'Arabī, seseorang harus melihat Yang Haqq sebagai kebenaran lalu mengikutinya sambil memimpin dan mengawal hawa keinginan diri, lihat Ibn al-'Arabī, *Rahmah*, 3: 510 (baris 12).

<sup>54</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 148 (baris 11).

<sup>55</sup> *Ibid.*, 2: 217 (baris 14).

<sup>56</sup> Surah *Hūd*, 11: 123. Lihat Ibn al-'Arabī, *Rahmah*, 368-371.

<sup>57</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 148 (baris 11), 4: 48 (baris 34); juga 3: 69 (baris 19).

<sup>58</sup> *Ibid.*, 3: 69 (baris 19).

<sup>59</sup> *Ibid.*, 2: 191 (baris 4), 220 (baris 4), 248; 3: 164.

- bagi seseorang yang menuntut sesuatu perkara - untuk bertindak di atas jalan yang akan menghasilkan apa-apa yang dituntutnya; ini kerana jalan untuk mencapai perkara itu sendiri adalah satu kemestian dalam rangka untuk mencapainya; tanpa jalan tersebut perkara itu tidak akan terhasil dan diperolehi; akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. Maka itulah syurga Ma'wā diperoleh sesiapa yang menahan diri dari keinginan Hawa nafsunya (*nahā al-nafs 'an al-hawā*).<sup>60</sup>

Agama dan shari'ah tersempurna dengan kenyataan Nabi Muhammad pada (apa yang diistilahkan oleh Ibn al-'Arabī sebagai) *zaman Muhammadi* dari waktu perutusan Rasulullah hinggalah ke Hari Kiamat. Ini kerana, Baginda adalah Mohor bagi Kenabian Yang Membawa Shari'ah (*khātim nubuwwah tashri'*) yang selepasnya tiada lagi nabi.<sup>61</sup> Lantaran inilah umat Muhammad adalah *ummat wasat*,<sup>62</sup> dan umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia (*khayr ummah ukhrijat li al-nās*).<sup>63</sup> Dalam zaman ini hinggalah ke Hari Kiamat, manusia berada dalam zaman Baginda dan tertakluk untuk menerima shari'ahnya.<sup>64</sup>

Rasulullah telah menyampaikan Islam yang di*Tanzil*-kanNya; Allah telah menceritakan bagaimana Kebenaran Islam tidak mungkin untuk dipersesuai dan diperdamai dengan Kebatilan Hawa Nafsu: 'Dan sesungguhnya mereka hampir memalingkan kamu dari apa yang telah Kami wahyukan kepadamu, agar kamu membuat yang lain secara

<sup>60</sup> *Ibid.*, 4: 428 (baris 5-10). Lihat juga Surah *al-Nāzi'āt*, 79: 40.

<sup>61</sup> Dalam *Futūḥāt*, 4: 333 (baris 2), Ibn al-'Arabī bicara tentang Muhammad sebagai sayyid Bani Adam.

<sup>62</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 4: 206; *idem.*, *Ījāz*, 196, 214. *Ummat wasat* adalah istilah *al-Baqarah*, 2: 143.

<sup>63</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 124 (baris 28), 135 (baris 2); 3: 142 (baris 9); 169 (baris 4), 322 (baris 10), 519 (baris 24); 4: 333 (baris 2); 'Kitāb Manzil al-Qutb wa Maqāmu-hu wa Ḥālu-hu', dalam Ibn al-'Arabī, *Rasā'il*, jil. 2, risalah no. 19, h. 7. Mengenai *Āli 'Imrān*, 3: 110, lihat juga Ibn al-'Arabī, *Rahmah*, 1: 461.

<sup>64</sup> Lihat mengenai istilah 'zaman Muhammadi' dalam Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 4: 152. Juga dipetik dalam *Mu'jam*, h. 549.

bohong terhadap Kami....Dan kalau Kami tidak memperkuat kamu, niscaya kamu hampir-hampir condong sedikit kepada mereka, kalau terjadi demikian, benar-benarlah Kami akan rasakan kepadamu siksaan....'<sup>65</sup> 'Dan katakanlah: "Kebenaran itu datangnya dari Tuhanmu; maka barangsiapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman, dan barangsiapa yang ingin (kafir), biarlah ia kafir"'';<sup>66</sup> 'sesungguhnya tugasmu hanya menyampaikan sahaja';<sup>67</sup> 'dan kamu tidak akan dipertanggungjawabkan tentang penghuni-penghuni neraka (*jahīm*)';<sup>68</sup> 'bukanlah kewajibanmu menjadikan mereka mendapat petunjuk';<sup>69</sup> 'sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang yang kamu kasihi';<sup>70</sup> 'katakanlah: "sesungguhnya petunjuk Allah SWT itulah petunjuk (yang hakiki)." Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti hawa nafsu mereka setelah Ilmu datang kepadamu, maka Allah SWT tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu';<sup>71</sup> dan banyak lagi ayat-ayat yang lain.<sup>72</sup>

Sekali lagi harus ditegaskan bahawa hukum shari'ah yang datang terkemudian menghapuskan kuatkuasa hukum shari'ah yang terdahulu. Sesiapa yang kemudiannya menurut apa-apa yang telah dinasakhkan dalam shari'ah yang terdahulu, maka dia telah menurut hawa nafsunya. Seperti yang diucapkan oleh Ibn al-'Arabī, sesiapa yang meninggalkan jalan yang ditetapkan Allah SWT, lalu berjalan pada jalan yang lain, meskipun ia adalah shari'ah zaman terdahulu, maka dia telah menyimpang dari jalan Allah SWT yang lurus (*ḥadd 'an sawā' al-sabīl, ḥā'id 'an sabīl Allāh*). Ibn al-'Arabī memperingatkan bahawa, dalam satu hadith, Rasulullah telah melukis satu garisan dan melukis

<sup>65</sup> Surah *al-Isrā'*, 17: 73-5.

<sup>66</sup> Surah *al-Kahf*, 18: 29.

<sup>67</sup> Surah *al-Ra'd*, 13: 40.

<sup>68</sup> Surah *al-Baqarah*, 2: 119.

<sup>69</sup> Surah *al-Baqarah*, 2: 272.

<sup>70</sup> Surah *al-Qaṣas*, 28: 56.

<sup>71</sup> Surah *al-Baqarah*, 2: 120.

<sup>72</sup> Lihat Ibn al-'Arabī, *Ijāz*, 191-200. Juga, Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 1: 229.

pula di kedua-kedua belah garisan tadi masing-masingnya beberapa garisan yang lain. Garisan pertama adalah *shara'* dan *minhāj* Baginda; garisan-garisan lain adalah shari'ah-shari'ah para nabi sebelum Baginda, di samping undang-undang dunia yang digubal oleh para bijaksana (*al-nawāmis al-ḥikamiyyah al-mawdū'ah*). Lalu Allah SWT memerintah Baginda agar menyuruh umat manusia berjalan atas *shara'* dan *minhājnya*, bahkan jangan menyimpang. Baginda meletakkan tangannya di garisan pertama dan membaca Surah *al-An'ām*, 6: 153 yang bermaksud:

Dan bahawa ini adalah jalanKu yang lurus, maka kalian ikutilah dia; dan jangan kalian ikuti jalan-jalan yang lain, kerana jalan-jalan itu menceraiberaikan kamu dari jalanNya. Demikian perintah terhadap kalian agar kalian bertaqwa.<sup>73</sup>

Ibn al-'Arabī menunjuk bahawa al-Qur'an mengguna istilah khusus 'jalanku' bukan sekadar istilah umum 'jalan Allah' (*ṣirāṭi* bukan sekadar *ṣirāt Allāh*)<sup>74</sup> kerana ia adalah shari'at yang khas (*shar' khāss*),<sup>75</sup> yang wajib diikuti, iaitu jalan Nabi Muhammad (*al-tariq alladhī jā'a bi-hi Muhammad*). Dan dilarangNya menuruti jalan-jalan yang lain, iaitu *sharā'i'* dan *manāhiḥ* para rasul sebelum Nabi Muhammad.<sup>76</sup>

Penjelasan di atas tidak pula menjadikan mereka yang mengimani Muhammad itu bersikap eksklusif. Ini kerana, shari'at Muhammad bukan sekadar mewajibkan beriman kepada Allah SWT dan RasulNya - kepada shari'ah dan kitab yang ditanzilkan kepada Baginda - malah wajib beriman kepada semua shari'ah dan kitab yang ditanzilkan sebelum Baginda. Bahkan, tegas Ibn al-'Arabī, seluruh shari'ah yang terdahulu terkandung dalam shari'ah Muhammad! Cumanya shari'ah-shari'ah itu tidak lagi menjadi hukum-ketetapan Tuhan, kecuali sebahagiannya

<sup>73</sup> Ibn al-'Arabī turut menggunakan istilah *tariqah*, *shir'ah*, *sabīl Allāh*, lihat Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 217 (baris 5). Untuk ayat tersebut, lihat Ibn al-'Arabī, *Rahmah*, 2: 119-20.

<sup>74</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 217 (baris 8), 3: 69 (baris 20).

<sup>75</sup> *Ibid.*, 2: 471 (baris 12).

<sup>76</sup> *Ibid.*, 2: 165 (baris 12), 217 (baris 14).



yang perakukan oleh shari'ah Muhammadiyah; melalui Baginda hukum-hukum tersebut disabitkan. Orang-orang Mukmin mengabdikan diri kepada Allah mengikut hukum-hakam tersebut kerana ia sekarang ini adalah shari'ah bagi mereka seperti yang diperakukan oleh Nabi Muhammad, bukan kerana nabi yang terdahulu pernah memperakukannya sebagai shari'at waktunya kepada umatnya.<sup>77</sup> Justeru potongan terakhir ayat *al-An'ām*, 6: 153 tersebut mempertegaskan makna bahawa jalan Nabi Muhammadlah yang harus diambil sebagai pelindung (*al-wiqāyah*, dari akar kata yang sama dengan *taqwā*) yang menghalang orang-orang yang beriman daripada menyimpang seperti mereka yang berjalan atas jalan-jalan yang lain.<sup>78</sup>

### c) Pendustaan Terhadap Muhammad s.a.w.: Antara Ahli Kitab dan Mushrikin

Dengan terwahyunya *Tanzil*, timbullah pertentangan antara keimanan dan kekufuran<sup>79</sup> sebagai reaksi sesuatu umat terhadap Rasulnya yang datang dengan tanda nyata (*al-āyāt*) dan bukti pasti (*al-bayyināt*) Kebenaran.<sup>80</sup> Justeru Ibn al-'Arabī mentafsir *al-A'rāf*, 7: 184 sebagai 'Tidakkah mereka merenung bukti kebenaran da'waan Rasulullah?'<sup>81</sup> Setelah itu, sesiapa yang masih tidak beriman kerana melayan kekebalan (*al-juhl*) dan kekeliruan (*al-shabah*), akibat bersifat aniaya (*zulm*), sombong (*'uluww*), durhaka (*baghy*), dengki

<sup>77</sup> *Ibid.*, 2: 165 (baris 12), 217 (baris 14).

<sup>78</sup> *Ibid.*, 2: 217 (baris 14).

<sup>79</sup> *Ibid.*, 1: 329 (baris 10).

<sup>80</sup> *Ibid.*, 1: 520 (baris 5). Renungkan Surah *al-Isrā'*, 17: 15 dan *al-'Ankabūt*, 29: 50-1.

<sup>81</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 620 (baris 3). Terjemahan penuh ayat tersebut: 'Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, nanti Kami akan menarik mereka dengan beransur-ansur (ke arah kebinaasaan), dengan cara yang tidak mereka ketahui. Dan Aku memberi tangguh kepada mereka. Sesungguhnya rencanaKu amat teguh. Apakah mereka tidak memikirkan bahawa teman mereka (Muhammad) tidak berpenyakit gila. Dia tidak lain hanyalah seorang pemberi peringatan lagi pemberi penjelasan.'

(*hasad*) dan iri hati (*nafasah*) terhadap RasulNya, maka manusia sebegini bakal dihukum dengan azab Tuhan.<sup>82</sup>

Sepanjang zaman kita ini, menurut Ibn al-'Arabī, tanda paling nyata dari Allah akan kebenaran Muhammad bagi ummah yang didakwahrkannya adalah al-Qur'an. Al-Qur'an ditanzil dalam bahasa Arab, yang secara mutlak tiada tertiru oleh orang-orang Arab sendiri.<sup>83</sup> 'Apa lagi tanda,' Ibn al-'Arabī pernah bertanya secara retorik, 'yang lebih bermu'jizat daripada al-Qur'an?'<sup>84</sup>

Sementara semua para Nabi sebelum Baginda diperintah untuk menyampaikan Tanzil hanya kepada golongan tertentu (*al-tā'ifah makhṣūṣah*), hanya Muhammad s.a.w. diperintah untuk menyampaikannya secara rata meliputi manusia umumnya (*ammāh li al-nās*).<sup>85</sup> Justeru bangsa bukan Arab pula tahu bahawa Muhammad s.a.w. tidak boleh membaca, menulis atau mentelaah, tidak bersahabat dengan orang-orang terpelajar, tidak meninggalkan Mekah untuk menuntut ilmu. Tambahan pula Baginda adalah seorang yang tidak tahu membaca di kalangan masyarakat yang juga umumnya tidak tahu membaca. Biarpun demikian, Baginda mengajar umatnya mengenai Allah SWT dan perkara-perkara ghaib yang lain pada takat yang diketahui tiada terduga oleh sesiapa sahaja - kecuali menerusi *Tanzil*. Tambahan pula al-Qur'an mendatangkan apa yang sebahagiannya telah disampaikan oleh kitab-kitab yang terdahulu; dan Muhammad s.a.w. tidak tahu isi kandungan kitab-kitab yang terdahulu melainkan melalui al-Qur'an. Justeru Ibn al-'Arabī yakin bahawa orang-orang Yahudi, Nasrani, dan Ahli-Ahli Kitab (*aṣḥāb al-kutub*) pasti tahu bahawa al-Qur'an adalah bukti dari Allah SWT akan kebenaran Muhammad s.a.w..<sup>86</sup> Oleh kerana al-Qur'an itu sabit sebagai bukti yang meyakinkan, mereka yang mendustakan kebenaran Nabi

<sup>82</sup> *Ibid.*, 3: 469 (baris 25).

<sup>83</sup> *Ibid.*, 3: 145 (baris 8).

<sup>84</sup> *Ibid.*, 4: 526 (baris 23).

<sup>85</sup> *Ibid.*, 2: 258 (baris 12-13).

<sup>86</sup> *Ibid.*, 3: 145 (baris 7-16).

Muhammad s.a.w. bakal dihukum dengan azab Tuhan, '(mereka akan disiksa) kerana Allah SWT telah menurunkan al-Kitab dengan haqq, dan sesungguhnya orang-orang yang berselisih tentang Kitab itu benar-benar dalam penyimpangan yang jauh' (*al-Baqarah*, 2: 176).<sup>87</sup>

*Īmān* bukanlah mengenai kebenaran sesuatu perkara yang diyakini kerana kita melihatnya sendiri (*'iyān*), tetapi ia adalah keyakinan akan kebenaran sesuatu perkara yang diperkhabarkan kepada kita oleh Rasul. *Īmān*, bagi Ibn al-'Arabī, adalah penerimaan penuh kebenaran Rasul dan risalah yang diutusNya, sementara kufur adalah pendustaan terhadap kebenaran Baginda dan risalahNya; kaum Mu'minin adalah mereka yang beriman kepada yang ghaib seperti yang dikhabarkan dari Allah oleh RasulNya yang benar, sementara kaum Kafirin adalah mereka yang mendustakannya.<sup>88</sup> Bagi Ibn al-'Arabī, *īmān* adalah 'menyatakan sesuatu mengikut pernyataan Rasul, atau mengamalkan sesuatu menurut ajaran Baginda - bukan menurut pandangan peribadi berdasarkan bukti akal seseorang'.<sup>89</sup>

Ibn al-'Arabī menghalusi perbezaan antara kekufuran kaum Mushrik dengan kekufuran Ahli Kitab. Oleh sebab makna asas *kufur* adalah *sitr*, iaitu menutup-sembunyi,<sup>90</sup> setiap orang mushrik itu sekaligus adalah kafir. Ini kerana, dalam menurut hawa nafsunya, mereka menyekutukan yang lain sebagai tuhan di samping Allah SWT, beribadah sama kepada selainNya, dan menyangkal KeesaanNya sebagai Tuhan (*ahādīyyat al-Ilāh*). Mereka telah 'menutup' kekuatan pemikiran mereka dari bukti dan tanda alam semesta akan

<sup>87</sup> *Ibid.*, 4: 526 (baris 23). Juga 3: 469 (baris 28). Lihat juga Ibn al-'Arabī, 'Kitāb al-Isfār 'an Natā'ij al-Asfār', dalam *Rasā'il*, jil. 2, risalah no. 24, h. 18.

<sup>88</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 3: 379-80.

<sup>89</sup> *Ibid.*, 1: 553 (baris 22).

<sup>90</sup> *Ibid.*, Ibn al-'Arabī, 3: 285 (baris 20). Asal yang sah bagi *k-f-r* adalah penutupan (*al-sitr wa al-taghtiyah*), ucap Ibn Fāris (m. 390 H)(1994), *Mu'jam al-Maqāyis fī al-Lughah*, ed. Shihāb al-Dīn Abū 'Amrū, Beirut: Dār al-Fikr, h. 930-1.

KeesaanNya. Dengan sebab 'penutupan' ini, seseorang yang mushrik turut dipanggil kafir.<sup>91</sup>

Ahli Kitab 'agak' percaya pada Keesaan Tuhan, dan pada para Rasul. Meskipun begitu, mereka kufur terhadap Nabi Muhammad dan dengan demikian mereka kufur kepada sebahagian isi Kitab yang disampaikan oleh rasul mereka.<sup>92</sup> Ini kerana, sesuai dengan *al-A'rāf*, 7: 157, sebahagian dari isi Kitab mereka adalah perintah supaya beriman kepada 'Rasul bagi semua' yakni Muhammad s.a.w., dan menurut shari'ahnya bila Baginda diutuskan;<sup>93</sup> terjemahan ayat:

'Maka akan Aku tetapkan rahmatKu untuk orang-orang yang bertaqwa, yang menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami.' (laitu) orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang *ummi* yang mereka dapati termaktub di sisi mereka dalam Taurat<sup>94</sup> dan Injil,<sup>95</sup> yang menyuruh mereka mengerjakan yang ma'ruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang munkar, dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada atas mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti *Nūr* yang diturunkan bersamanya, mereka

<sup>91</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 2: 592 (baris 20).

<sup>92</sup> *Ibid.*, 2: 592 (baris 7). Lihat juga 1: 635 (baris 12) dan Ibn al-'Arabī, *Ījāz*, 60, 190.

<sup>93</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 4: 131 (baris 15) dan *idem.*, *Ījāz*, 61.

<sup>94</sup> Peri Nabi Muhammad dalam *Perjanjian Lama*, lihat, Dt. 18: 18; Dt. 33: 2; Ge. 49: 10 (Douay Version of the Bible); Ps. 45: 17; Is. 42: 1, 4; So. 5: 16, dll.

<sup>95</sup> Peri Nabi Muhammad dalam *Perjanjian Baru*, lihat, Mt. 21: 42-44; Lk. 24: 49; Jn. 1: 19-21, 25; Jn. 7: 40-41; Jn. 14: 16; Jn. 15: 26; Jn. 16: 8-13. *Injil Barnabas*, h. 33, 99, 101, 103, 105, 167, 169, 223, 381. Rujukan-rujukan dalam nota 94-95 ini dihurai oleh Maulana Abdul Majid Daryabādi (t.t.), *Tafsīr-ul-Qur'ān*, 4 jil., Islamabad: Islamic Book Foundation, 2: 156-9, nn. 219-20.

itulah orang-orang yang beruntung. Katakanlah (wahai Muhammad): 'Hai manusia sesungguhnya aku adalah Rasul Allah kepadamu semua, yaitu (Allah) Yang bagiNya kerajaan langit dan bumi; tidak ada Tuhan selain Dia, Yang Menghidupkan dan Mematikan, maka berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kepada kalimat-kalimatnya; dan ikutilah dia, supaya kamu mendapat hidayah.' (*al-A'raf*, 7: 157)

Para pemimpin Ahli Kitab menyembunyikan kebenaran Nabi Muhammad s.a.w. sedangkan mereka mengetahui secara yakin bahawa risalahnya adalah Kebenaran. Mereka kenal Kebenarannya hingga mustahil untuk menyembunyikan fakta tersebut dari diri mereka sendiri; sesungguhnya mereka terpaksa mengakui Kebenaran tersebut dalam hati mereka. Tetapi, di sebalik daripada menyatakannya secara terang-terangan, mereka telah dengan benci menyembunyikannya daripada masyarakat awam (*al-'āmmah*) dan para pengikut (*al-atbā'*) yang hanya menurut sahaja pemimpinnya dalam hal kepercayaan dan amalan agama. Penyembunyian akan kebenaran Nabi Muhammad s.a.w. telah diperburuk lagi dengan kekeliruan akibat tipu daya yang licik lagi licin.<sup>96</sup>

Ibn al-'Arabī turut mempertegas pernyataan al-Qur'an bahawa para pemimpin Ahli Kitab telah mempersesat pengikut mereka dengan memerintahkan apa yang tiada pernah diizinkan Tuhan, dan kemudian menyatakan kepada para pengikut mereka bahawa 'ini dari Tuhan' - sedangkan ia bukan dari Tuhan. Mereka berdusta tentang Tuhan; mereka juga berdusta terhadapNya, walaupun penuh sedar mengenai pembohongan tersebut.<sup>97</sup>

<sup>96</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 2: 592 (baris 7); 3: 243 (baris 22); 4: 138 (baris 15), 526 (baris 15-22); *idem.*, *Ījāz*, 62. Juga *idem.*, *Rahmah*, 3: 242.

<sup>97</sup> Ibn al-'Arabī, *Rahmah*, 1: 448 memetik *Kitāb al-Tanazzulāt al-Mawsiliyyah*.

*Futūhāt*, menggunakan tamsilan Tuhan dalam al-Qur'an,<sup>98</sup> menggambarkan para pemimpin Ahli Kitab sebagai mereka yang, apabila dalam kehidupan dunia ini telah diberi al-Qur'an melalui Rasulullah, melemparkannya ke belakang punggung mereka dan menjualnya (Kitab yang luhur) untuk harga yang sedikit (memimpin masyarakat yang dikelirukan mengenai kebenaran Muhammad). Bagi Ibn al-'Arabī, sikap para pemimpin Ahli Kitab yang melempar Kitab al-Qur'an ke belakang punggung mereka menunjukkan bahawa mereka yakin yang mereka tidak akan kembali kepada Tuhan.<sup>99</sup>

Justeru sifat para pemimpin Ahli Kitab tersebut adalah serupa seperti sifat yang digambarkan oleh Allah SWT (dalam *al-Naml*, 27: 13-14) sebagai zalim. Tetapi, mengapakah mereka berlaku jahat, dan mengelirukan akal manusia lain mengenai kebenaran Muhammad? Berdasar kepada pemberitahuan al-Qur'an,<sup>100</sup> Ibn al-'Arabī merumus bahawa sambutan jahat sedemikian terhadap Rasulullah adalah disebabkan kesombongan mereka (*'uluww*). Dalam memburu kemegahan duniawi, dalam mengidamkan posisi kepimpinan masyarakat, mereka tergamak menghina Rasulullah; sekaligus sombong terhadap Tuhan Yang Mengutus Baginda kepada mereka. Biarpun tanda-tanda yang meyakinkan mengenai kebenaran Rasulullah telah sabit - al-Qur'an adalah mukjizat terbesar - mereka telah memendam rasa dendam, dikuasai iri hati, dan bersikap aniaya (*hasadan wa nafāsatan wa zulman*) terhadap wibawa Nabi Muhammad; mereka menolak Kebenaran setelah mengetahuinya dengan yakin. Mereka berani mempersoal

<sup>98</sup> Terjemahan *Āli 'Imrān*, 3: 187: 'Dan (ingatlah), ketika Allah mengambil janji dari orang-orang yang telah diberi Kitab (iaitu): "Hendaklah kamu menerangkan isi Kitab itu kepada manusia, dan jangan kamu menyembunyikannya," lalu mereka melemparkan janji itu ke belakang punggung mereka dan mereka menukarnya dengan harga yang sedikit. Amatlah buruknya tukaran yang mereka terima.'

<sup>99</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 4: 393 (baris 20); Bandingkan 1: 314 (baris 33 dan seterusnya).

<sup>100</sup> Surah *Āli 'Imrān*, 3: 78; *al-An'ām*, 6: 20-21; *al-Naml*, 27: 13-14; *al-'Ankabūt*, 29: 47.

kenapa al-Qur'an ditanzilkan kepada Nabi Muhammad dan tidak kepada orang-orang yang lebih 'besar' dan 'penting' seperti mereka. Dengan demikian mereka memilih hawa nafsu lebih daripada *Tanzil* Tuhan. Sebagai fakta sejarah, ini cukup untuk menjadikan 'agama' Ahli Kitab sebagai agama hawa nafsu pemimpin mereka yang menyalahi kandungan Kitab mereka yang asal. Kerana itulah, biarpun mereka mendakwa percaya kepada Keesaan Tuhan dan percaya kepada para rasulNya yang lain, Allah mengecam mereka dengan tajam dalam al-Qur'an.<sup>101</sup> Berikut adalah terjemahan empat ayat al-Qur'an yang berkaitan (tiga yang terawal adalah yang lebih kerap dipetik oleh Ibn al-'Arabī):

Orang-orang yang telah Kami berikan Kitab, mereka mengenalnya (Muhammad) seperti mereka mengenal anak-anaknya sendiri. Orang-orang yang merugikan dirinya, mereka itu tidak beriman. Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang membuat-buat suatu kedustaan terhadap Allah, atau mendustakan ayat-ayatNya? Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak mendapat keberuntungan.<sup>102</sup>

Maka tatkala ayat-ayat Kami yang jelas itu [mengenai kebenaran Nabi Muhammad, seperti al-Qur'an] sampai kepada mereka, berkatalah mereka: 'Ini adalah sihir yang nyata'. Dan mereka mengengkarinya kerana kezaliman dan kesombongan (mereka) padahal hati mereka meyakini (kebenaran)-nya. Maka perhatikanlah betapa kesudahan orang-orang yang berbuat kefasadan.<sup>103</sup>

Dan demikian [iaitu dengan prinsip Keesaan Tuhan seperti dijelaskan dalam ayat sebelumnya] Kami turunkan kepadamu Kitab (al-Qur'an). Maka orang-orang yang telah Kami berikan Kitab (seperti Tawrat,

<sup>101</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 1: 303 (baris 12); 354 (baris 29); 2: 28 (baris 23), 306 (baris 2), 374 (baris 23), 592 (baris 5), 3: 83 (baris 24), 243 (baris 22); 4: 138 (baris 15), 526 (baris 22); *idem.*, *Ījāz*, h. 62; Bandingkan juga Ibn al-'Arabī, *Fuṣūṣ*, 1: 110.

<sup>102</sup> Surah *al-An'ām*, 6: 20-21.

<sup>103</sup> Surah *al-Naml*, 27: 13-14.

dan Injil) mereka beriman kepadanya (al-Qur'an); dan di antara mereka (dari mushrikin Mekah) ada yang beriman kepadanya (al-Qur'an). Dan tidak adalah yang mengingkari ayat-ayat Kami selain orang-orang kafir.<sup>104</sup>

Sesungguhnya di antara mereka ada segolongan yang memutar-mutar lidahnya membaca Kitab, supaya kamu menyangka yang dibacanya itu sebahagian daripada Kitab, padahal ia bukan dari Kitab dan mereka mengatakan: 'Ia dari sisi Allah', padahal ia bukan dari sisi Allah. Mereka berkata dusta terhadap Allah, sedang mereka mengetahu.<sup>105</sup>

Menurut Ibn al-'Arabī, kepada golongan sebeginilah ditujukan isi surat Rasulullah kepada Kaisar Romawi, '...sekiranya kamu berpaling, atas kamulah tanggungjawab para pengikutmu (*al-arīsiyyīn*)'.<sup>106</sup> Menurut Ibn al-'Arabī, azab yang lebih akan diperuntukkan di Akhirat bagi pemimpin sedemikian, seperti firman Allah SWT dalam al-Qur'an yang bermaksud:

Orang-orang yang kafir dan menghalangi (orang-orang lain) dari jalan Allah, Kami tambahkan kepada mereka azab di atas azab disebabkan mereka selalu berbuat fasad.<sup>107</sup>

Dan berkatalah orang-orang kafir ...: 'ikutilah jalan kami, dan nanti kami akan memikul kesalahan-kesalahanmu' ... dan sesungguhnya mereka akan memikul beban mereka, dan beban (yang lain) di samping beban-beban mereka sendiri, dan sesungguhnya mereka akan ditanya pada hari kiamat tentang apa yang selalu mereka ada-adakan!<sup>108</sup>

<sup>104</sup> Surah *al-'Ankabūt*, 29: 47.

<sup>105</sup> Surah *Āli 'Imrān*, 3: 78.

<sup>106</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 592 (baris 25). Surat Rasulullah s.a.w. kepada Herkules, Kaisar Byzantin dirakam dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 4, no. 191; dan vol. 6, no. 75.

<sup>107</sup> Surah *al-Naḥl*, 16: 88.

<sup>108</sup> Surah *al-'Ankabūt*, 29: 12-13.



Rasulullah s.a.w. sendiri pernah bersabda yang maksudnya, 'Sesiapa yang membuat sesuatu yang buruk, baginya balasan yang sama bagi balasan kesemua yang mengikutnya sampai ke hari Kebangkitan tanpa sedikitpun dikurangi'.<sup>109</sup>

Justeru, menurut Ibn al-'Arabī, terinstitusilah di kalangan Yahudi dan Nasara akan 'agama hawa nafsu',<sup>110</sup> yang menyebabkan (antara lainnya) kebenaran Muhammad s.a.w. tersembunyi dari para pengikut di kalangan Ahli Kitab; seolah-olah ada hijab yang menabiri antara mereka dan kebenaran Baginda. Sekiranya mereka terus berpegang teguh kepada kekeliruan tersebut tanpa benar-benar berfikir mengenai bukti-buktinya, mereka telah lengah lagi lalai (*al-mufarritūn*) akan kebenaran Rasulullah, dan dengan demikian juga dipanggil kafir. Walaupun mereka mendakwa yakin terhadap Keesaan Tuhan, pegangan mereka mengenai Muhammad telah menyebabkan mereka menyimpang hingga menolak secara aniaya dan sombong akan Tuhan al-Haqq.<sup>111</sup> Menurut Ibn al-'Arabī,<sup>112</sup> pada Hari Kebangkitan, bila kebencian orang-orang kafir yang seperti ini terhadap Rasulullah lenyap,

mereka akan berkata: 'Aduhai kiranya (dulu) aku mengambil jalan bersama-sama Rasul. Celakanya aku! Aduhai kiranya aku (dulu) tidak mengambil si anu itu teman karib. Sesungguhnya dia telah menyesatkan aku dari Peringatan [yang datang dari Tuhan dibawa oleh Muhammad] ketika Ia sampai kepadaku.'<sup>113</sup>

<sup>109</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 592 (baris 25). Hadith tersebut dalam Muslim, Kitāb 'Ilm 15, Kitāb Zakāt 69; Nasā'ī, Kitāb Zakāt, 64. Untuk versi serupa, Wensinck, *Concordance*, 2: 552.

<sup>110</sup> Lihat Ibn al-'Arabī, *Ījāz*, h. 207, yang mempertentang antara *dīn 'an aḥwā'ī-him* dengan *dīn anbiyā'ī-him*. Lihat juga halaman 190. Ibn al-'Arabī dalam *Futūḥāt*, 4: 533 memanggil Kristian sebagai *dīn al-mubtilin*.

<sup>111</sup> Ibn al-'Arabī, *Ījāz*, 62; *idem.*, *Futūḥāt*, 1: 553-4; 2: 363 (baris 2); *idem.*, *Rahmah*, 3: 242, yang memetik 'Uqlat *al-Mustawfidh*, menggunakan istilah *al-kuffār al-muqallidah*. Lihat Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 4: 138 (15).

<sup>112</sup> *Ibid.*, 3: 270 (baris 19).

<sup>113</sup> Surah *al-Furqān*, 25: 27-8.

supaya jangan ada orang yang mengatakan: 'Amat besar penyesalanku atas kelalaianku dalam (menunai-kan kewajiban) terhadap Allah, sedang aku sesung-ghunya termasuk orang-orang yang memperolok-olokkan [Rasul dan sunnahnya]!'<sup>114</sup>

Ibn al-'Arabī juga pernah berkomentar bahawa di Akhirat, orang-orang yang tidak percaya kepada Rasul dan Sunnahnya akan menyata rasa dukacita, kesedihan dan gentar akibat kelalaian mereka terhadap Baginda dan memperolok-olokkannya.<sup>115</sup> Ibn al-'Arabī turut berpandangan bahawa orang-orang kafir yang terlakar dalam ayat 6-7 surah *al-Baqarah* adalah lebih merujuk kepada golongan-pengikut daripada golongan-pemimpin, walaupun ia pastinya boleh dikenakan kepada kedua-dua golongan.<sup>116</sup>

Sesungguhnya orang-orang kafir, sama saja bagi mereka, kamu beri peringatan atau tidak kamu beri peringatan, mereka tidak juga akan beriman. Allah telah mengunci-mati hati dan pendengaran mereka, dan penglihatan mereka ditutup. Dan bagi mereka siksa yang amat berat.

Jelas bahawa kekufuran kaum Mushrikin asal harus dibedakan dari kekufuran Ahli Kitab. Kaum Mushrikin yang menyangkal Tuhan Yang Haqq Yang Maha Esa, telah bersalah terhadap kedua-duanya - bersalah kepada Tuhan dan semua para Rasul utusanNya. Menurut Ibn al-'Arabī, sebab itulah dalam Shari'ah Islam, kaum Mushrikin tidak dilindungi daripada dibunuh dalam Perang Jihad; ini kerana, bersalah terhadap kedua-duanya Tuhan yang Maha Esa (*al-tawhīd*) dan kebenaran para Rasul, kaum Mushrikin tidak memiliki suatu apa pun sandaran yang benar (*al-mustanad*).<sup>117</sup>

Sebaliknya, asal-mula kesalahan orang-orang kafir dalam kalangan Ahli Kitab adalah pendustaan mereka terhadap

<sup>114</sup> Surah *al-Zumar*, 39: 56.

<sup>115</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 278 (baris 30).

<sup>116</sup> Ibn al-'Arabī, *Ījāz*, 62.

<sup>117</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 592 (baris 5-26); dan, 1: 553-4.

Rasul yang tertentu, iaitu Nabi Muhammad. Berpunca dari sinilah, seperti firman Allah Ta'ala dalam Surah *al-Tawbah*, 9: 29, mereka telah menjadi:

orang-orang yang tidak beriman kepada Allah (Yang mengutus Baginda), dan tidak kepada hari Akhirat, dan tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya, dan tidak beragama dengan agama Yang Haqq.

Walau bagaimanapun, sejauh yang mereka percaya kepada Tuhan Yang Satu, dan kepada Rasul-RasulNya sebelum Muhammad, secara umum terdapat alasan yang munasabah untuk melindungi mereka daripada dibunuh dalam Perang Jihad, dan sebagai ganti, *jizyah* dikenakan kepada mereka. Peruntukan undang-undang sedemikian mengisharatkan bahawa dalam Order Islam, Ahli Kitab dibolehkan - bahkan dilindungi - untuk terus melaksanakan agama mereka. Atau lebih tepat lagi, untuk terus melaksana 'sebahagian' agama mereka sejauh yang mereka mampu; 'sebahagian', kerana mereka mendustakan Nabi Muhammad sedangkan ia turut diperintahkan dalam Kitab mereka.<sup>118</sup> Ibn al-'Arabī memperingatkan kita akan kegembiraan yang terbayang di wajah mulia Nabi Muhammad ketika mendengar yang tentera Romawi telah berjaya ke atas tentera Parsi dalam tahun 6 Hijrah/627 Masihi. Kekufuran kaum Parsi dan penyembah berhala adalah kesalahan terhadap Allah Yang Haqq sebagai Tuhan Yang Satu (*al-ahādiyyah*); kekufuran Kaum Romawi adalah kesalahan terhadap Muhammad akibat kekeliruan penyelewengan Kitab suci yang dilakukan oleh para pemuka agama. Syariah Islam memberi keuzuran kepada mereka berkenaan pengenalan Nabi Muhammad, sementara hak Allah Ta'ālā terus kukuh dengan kepercayaan mereka kepada *ahādiyyah*Nya.<sup>119</sup>

Justeru, sanggahan Islam terhadap Ahli Kitab adalah kerana mereka beriman kepada satu bahagian daripada prinsip Agama (yakni beriman kepada Tuhan Yang Satu dan

<sup>118</sup> *Ibid.*, 2: 363 (baris 2), 592 (baris 25); dan 1: 553-4.

<sup>119</sup> *Ibid.*, 1: 553-4; 2: 592 (baris 25); 4: 131 (baris 15).

kepada sebahagian dari para rasul), dan kafir terhadap satu lagi bahagian prinsip agama (iaitu kebenaran Nabi Muhammad), serta bermaksud dengan pernyataan itu kononnya mereka mengambil jalan alternatif antara dua pilihan (iaitu beriman sepenuhnya atau kufur sepenuhnya). Ini dirakamkan oleh Allah SWT sendiri dalam *al-Nisa'*, 4: 151, dan dalam ayat-ayat seterusnya dinyatakan bahawa,

merekalah orang-orang yang kafir sebenar-benarnya (*al-kāfirun haqqan*). Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang kafir itu siksaan yang menghinakan. Orang-orang yang beriman kepada Allah dan para rasulNya dan tidak membeza-bezakan seorang pun di antara mereka, kelak Allah akan memberikan kepada mereka pahala. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Bertalian dengan itu, Rasulullah telah memerintahkan orang-orang Islam agar menyanggah Ahli Kitab dengan menyebut beberapa urusan hukum-hakam yang tertentu. Dalam perkataan lain, Kaum Muslimin tidak menyanggah Ahli Kitab secara mutlak dalam semua perkara; bahkan, ada beberapa keselarian yang mensejajarkan agama Islam dengan agama Ahli Kitab.<sup>120</sup>

#### **d) Hanya Satu Agama Sempurna (Islam); Ada Banyak Agama Yang Tidak Lengkap**

Ibn al-'Arabī berpegang bahawa hanya Islam agama yang sempurna seraya memperkenankan bahawa agama-agama lain pada zaman ini pastilah tidak lengkap, bahkan mungkin cacat. Lengkapnya Islam di sini merujuk kepada kesempurnaan nas, dalil, atau teks Agama. Ibn al-'Arabī dalam *Fuṭūḥat*nya mempertegaskan bahawa firman Allah SWT dalam Surah *al-Mā'idah*: 'Pada hari ini telah Kulengkapkan untuk kamu agamamu' adalah sebagai satu ketetapan mengenai kesempurnaan Agama Islam yang tidak perlu kepada sebarang penambahan. Hukum atas segala masalah telah terangkum sempurna dalam ketetapan Allah dan Rasul

<sup>120</sup> *Ibid.*, 2: 592 (baris 25); dan 1: 553-4.

yang tidak meninggalkan sesuatu isu pun akibat alpa dan lalai. Hanya sanya dalil-dalil dan nas-nas sesuatu permasalahan itu perlu dituntut melalui ijthad bersandarkan al-Qur'an, Sunnah, mahupun Ijma'.<sup>121</sup> Renungan terhadap pengertian ijthad yang berusulkan nas dan dalil menunjukkan bahawa hanya dengan selidikan yang mendalam serta dengan sehabis upaya terhadap al-Qur'an, Sunnah dan Ijma', maka Kehendak Allah terhadap hambaNya akan terbukti, diketahui dan dikenali, boleh diangkat dan zahir tertegak. Justeru kaum Muslimin harus sentiasa digerakkan oleh gema tuntunan Tuhan yang tertunjuk dalam tiga sumber tadi, yang senantiasa memperjelas Jalan Lurus dan mendidih-desak potensi luar-biasa manusia beragama.<sup>122</sup> Justeru bagi Ibn al-'Arabī mereka yang beriman akan menurut hukum-hakam ijthad dengan pemeliharaan yang semestinya (*ḥaqq ri'āyah*) sementara mereka yang fasiq tidak.<sup>123</sup> Lantaran kesempurnaan Islam yang turut mengandungi agama-agama para Nabi sebelum Muhammad s.a.w., berikut adalah hukum bagi orang Islam yang murtad:

Sesiapa antara kalian murtad dari Agamanya dan mati  
 Sesungguhnya dia mendustakan semua agama [para Nabi];  
 kerana Agama [para Nabi] itu 'aynnya [atau hakikatnya] satu. Agama [para Nabi] tidak  
 bertentangan antara yang satu dengan yang lain....  
 Sesungguhnya, Agama itu dikerjakan melalui Shara'-nya  
 melaluinya Hukum Agama datang dari *Musharri'*-nya.<sup>124</sup>

<sup>121</sup> *Ibid.*, 3: 502; lihat firman Allah SWT tersebut dalam Surah *al-Mā'idah*, 5: 3.

<sup>122</sup> Lihat 'n-s-s' dalam *Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*, 10 jil., Beirut: Dār Ṣadīr, c. 1980, cetak ulang edisi Cairo 1306-07, 10: 435.

<sup>123</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 477, 533.

<sup>124</sup> Terjemahan bebas puisi dari *Futūḥāt*, 4: 131 (mulai baris 6).

Berbeza dengan itu, menurut Ibn al-'Arabī,

orang-orang Nasrani dan semua Ahli Kitab, apabila memeluk Islam, tidak merobah agama, kerana memang bahagian dari agama mereka memerintahkan iman terhadap Muhammad s.a.w., dan menganut shari'ahnya bila Baginda diutus, dan bahawa risalah Baginda untuk semua. Maka itu tidak seorangpun penganut agama menukar [ketaatan] agamanya jika dia memeluk Islam.<sup>125</sup>

Satu kenyataan Ibn al-'Arabī di tempat yang sama sangat mendalam jika ditinjau dari sisi disiplin perbandingan agama. Yakni, sebarang penambahan terhadap 'agama' membuktikan bahawa institusi agama tersebut adalah berkekurangan (*naqs*), iaitu mengandungi aib, cacat dan cela.<sup>126</sup> Penambahan itu pula, seperti yang diistilahkan oleh Ibn al-'Arabī,<sup>127</sup> adalah *al-shar' alladhī lam ya'dhan bi-hi Allāh* (shari'at agama yang tidak diizinkan Allah).<sup>128</sup> Ia satu perbuatan kufur dan dusta (*iftirā'*) terhadapNya,<sup>129</sup> yang tercontoh dalam penyelewengan Kitab Suci.<sup>130</sup>

Sesungguhnya al-Qur'an dan Hadith telah mendakwa para pemuka agama-agama yang datang lebih awal khususnya daripada Tradisi Bible dengan tuduhan *tahrīf* (merobah kalimah dan ma'na asal Kitab Suci),<sup>131</sup> *tabdīl* (mengganti perkataan yang diTanzilkan dengan yang tidak),<sup>132</sup> *lawā*

<sup>125</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 4: 131 (baris 15). Lebih lanjut mengenai *ahādīyyat al-sharā'i'* dan *hudā al-anbiyā'*, lihat *ibid.*, 1: 134-5; 2: 134-5, 138-9; 3: 251, 413.

<sup>126</sup> *Ibid.*, 3: 502.

<sup>127</sup> *Ibid.*, 1: 326; 3: 502; Bandingkan 2: 58.

<sup>128</sup> Istilah yang terilham dari Surah *al-Shūrā*, 42: 21 yang bermaksud: 'Apakah mereka mempunyai sekutu-sekutu (di samping Allah) yang menshari'atkan untuk mereka agama yang tidak diizinkan Allah?'

<sup>129</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 1:326; 2: 58; 3: 502.

<sup>130</sup> Ibn al-'Arabī, *Rahmah*, 1: 448, yang memetik *Kitāb al-Tanazzulāt al-Mawṣiliyyah*.

<sup>131</sup> Surah *al-Baqarah*, 2: 75; *al-Nisā'*, 4: 46; *al-Mā'idah*, 5: 13, 41.

<sup>132</sup> Surah *al-Baqarah*, 2: 59; *al-A'rāf*, 7: 162.

(memutarbelit isi Kitab Suci),<sup>133</sup> *ta'n* (mencemar agama),<sup>134</sup> *labs* (mencampuradukkan yang *haq* dengan yang batil),<sup>135</sup> *kitmān* (menyembunyikan *Tanzil*, *bayyināt* dan *hudā* khususnya mengenai kebenaran risalah Nabi Muhammad s.a.w.),<sup>136</sup> dan *nisyān* (melupakan sebahagian isi Kitab Suci).<sup>137</sup> Isu ini turut dihurai oleh Ibn al-'Arabī dalam '*Ījāz*<sup>138</sup> dan *Futūhāt*.<sup>139</sup>

Dalam Surah *al-Mā'idah*, 5: 48 Allah SWT ada menyatakan, maksudnya: 'Kami telah turunkan kepadamu (Muhammad) Kitab (al-Qur'an) dengan al-ḥaqq, membenarkan apa yang ada dari kitab-kitab (yang diturunkan sebelum al-Qur'an), dan pengawasnya (daripada penyelewengan kitab-kitab tersebut) (*muhaymin 'alay-hi*'). Ibn al-'Arabī berpendapat bahawa di antara Kalam Allah - jika masing-masingnya dinilai sebagai Kalam Allah - tidak ada yang lebih utama (*mufādalāh*) antara yang satu dengan yang lain; semua Kitab bersumber dari Tuhan Yang Esa (*al-Kutub kullu-hā min Ill Wāḥid*). Walaupun demikian, Ibn al-'Arabī mempertegas bahawa al-Qur'an adalah bersifat lengkap (*jāmi'*), dan justeru Kitab Suci yang paling mencukupi (*aghniā*), lagi meyakinkan sebagai sumber petunjuk (q.v. '*wa anta min-hu 'alā yaqīn'*). Seterusnya Ibn al-'Arabī berkata: '*Wa las-ta min ghayri-hi 'alā yaqīn, li-mā dakhala-hu mina al-tabdīl wa al-tahrīf*.' 'Dan tidaklah Kitab-Kitab Suci selain al-Qur'an itu boleh anda anuti secara yakin disebabkan bercampurannya dengan *tabdīl* dan *tahrīf*.'<sup>140</sup> Untuk menyokong pandangannya tentang penyelewengan Kitab Suci oleh Ahli Kitab, Ibn al-'Arabī biasa memetik ayat-ayat Qur'an yang berikut maksudnya:

Apakah kamu sekalian [yang beriman akan kebenaran Muhammad] masih mengharap mereka

<sup>133</sup> Surah *Āli 'Imrān*, 3: 78; *al-Nisā'*, 4: 46.

<sup>134</sup> Surah *al-Nisā'*, 4: 46.

<sup>135</sup> Surah *al-Baqarah*, 2: 42; *Āli 'Imrān*, 3: 71.

<sup>136</sup> Surah *al-Baqarah*, 2: 42, 140, 146, 159, 174; *Āli 'Imrān*, 3: 71, 187.

<sup>137</sup> Surah *al-Mā'idah*, 5: 13-14; *al-A'rāf*, 7: 53.

<sup>138</sup> Lihat h. 128, 150, 219-20, 235.

<sup>139</sup> 2: 400; 3: 243, 351; Lihat juga Ibn al-'Arabī, *Rahmah*, 1: 151, 448; 4: 155.

<sup>140</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūhāt*, 4: 400. Lihat selanjutnya *idem.*, *Ījāz*, 7-10.

[iaitu kaum Yahudi Madinah] akan beriman kepadamu, padahal segolongan dari mereka mendengar Kalam Allah, lalu mereka merobahnya setelah mereka memahaminya, sedang mereka mengetahui? Dan apabila mereka [Yahudi Madinah] berjumpa dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata: 'Kamipun telah beriman [seperti kamu yang telah beriman],' tetapi apabila mereka berada sesama mereka sahaja, mereka berkata, 'Apakah kamu menceritakan kepada mereka apa yang telah diterangkan Allah kepadamu [mengenai pemerian Muhammad dalam Taurat], supaya dengan demikian mereka dapat mengalahkan hujahmu di hadapan Tuhanmu; tidakkah kamu mengerti?' (*Al-Baqarah*, 2: 75-6).

Orang-orang yang telah Kami beri al-Kitab mengenalnya [yakni ciri-ciri Rasulullah] seperti mereka mengenal anak-anak mereka sendiri: dan sesungguhnya sebahagian di antara mereka menyembunyikan yang haq, padahal mereka mengetahui. Yang haq itu adalah dari Tuhanmu, sebab itu jangan sekali-kali kamu termasuk orang-orang yang ragu [akan kebatilan Ahli Kitab]. (*Al-Baqarah*, 2: 146-7).

Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami tanzilkan berupa keterangan-keterangan yang jelas dan petunjuk, setelah Kami menerangkannya kepada manusia dalam al-Kitab, mereka itu dilaknati Allah dan dilaknati (pula) oleh semua (makhluk) yang dapat melaknati, kecuali mereka yang telah taubat dan mengadakan perbaikan dan menerangkan [dan mengajar mereka yang tidak tahu tentang al-Kitab daripada pengikut mereka yang buta huruf mengenai *Tanzil* dan Penerangan Allah]... (*Al-Baqarah*, 2: 159-60).

Dalam faham Ibn al-'Arabī, ayat ini menjelaskan bagaimana golongan pemuka Ahli Kitab menyembunyikan ajaran-ajaran *Tanzil* - seperti berkenaan bukti dan tanda kebenaran Muhammad s.a.w., janji dan ancaman Tuhan



(*wa'd wa wa'id*), dan hukum-hakam agama - daripada pengikut mereka yang buta huruf (*al-muqallidah al-ummiyyūn*) lagi jahil mengenai Kitab Suci. Allah mengancam bahawa mereka akan menjadi golongan yang terbuang dari sebarang keselesaan, terusir dari sebarang kenikmatan di Negeri Akhirat.<sup>141</sup>

Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah diturunkan Allah daripada al-Kitāb dan menjualnya dengan harga yang sedikit, mereka itu sebenarnya tidak memakan ke dalam perutnya melainkan api, dan Allah tidak akan berbicara kepada mereka pada hari kiamat dan tidak mesucikan mereka dan bagi mereka siksa yang amat pedih. (*Al-Baqarah*, 2: 174).

Menurut Ibn al-'Arabī, termasuk dalam ayat umum ini adalah Ahli Kitab, iaitu Ahli Taurat dan Injil seperti yang telah beliau jelaskan.<sup>142</sup> 'Menjualnya dengan harga yang sedikit' merujuk kepada perbuatan mereka yang menyembunyikan ajaran *Tanzil* sebenar demi harta dan kedudukan sebagai pemuka agama.<sup>143</sup>

Cerita-cerita dalam Kesusasteraan Bible banyak mengandungi kononnya kesalahan (*zallāt*), cela (*mathālib*) dan skandal (*nuqlah*) mengenai para Nabi.<sup>144</sup> Dalam Bible terakam cerita-cerita dusta seperti Nabi Lut berzina dengan anak-anak perempuannya,<sup>145</sup> Nabi Dawud berzina dengan isteri orang lain dan kemudian membunuh suaminya dengan tipu dan helah,<sup>146</sup> dan sebagainya lagi.<sup>147</sup> Sebaliknya,

<sup>141</sup> *Ibid.*, 235.

<sup>142</sup> *Ibid.*, 249-50.

<sup>143</sup> Lihat selanjutnya Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 4: 526; *idem.*, *Ījāz*, 127.

<sup>144</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 256 (baris 14).

<sup>145</sup> Genesis 19: 33.

<sup>146</sup> II Samuel 11: 2-5.

<sup>147</sup> Lihat selanjutnya Raḥmatullāh b. Khalīl al-Raḥmān al-Hindī (1993/1413), *Izhār al-Ḥaqq*, 2 bahagian dalam 1 jil., Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 315 dan terjemahan Inggerisnya oleh Muhammad Wali Razi (1989-90), *Izhār-ul-Ḥaqq (Truth Revealed)*, 4 bahagian, London: TaHa, 4: 31-33.

bagi Ibn al-'Arabī, cerita-cerita tersebut tidak wajar dikaitkan kepada Allah SWT dan kedudukan para Rasul,<sup>148</sup> bahkan, tidak ada sebarang nass yang serupa dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>149</sup> Islam mendukung sikap hormat terhadap para nabi, dan rasa malu kepada Allah SWT.<sup>150</sup> Lantaran itu Ibn al-'Arabī menamakan cerita-cerita tersebut sebagai 'kecelakaan' (*al-tāmmat*)<sup>151</sup> dan 'bencana' (*al-ṭawām*), yang berasaskan ta'wil busuk (*ta'wilāt fāsīdah*) dan sumber yang tidak ketentuan (*asānīd wāḥiyah*), datangnya dari mereka yang mengejek dan memperolok Tuhan; iaitu pendustaan buatan Yahudi yang dilaknat Tuhan (*al-yāhud la'ana-hum Allāh*),<sup>152</sup> dan Nasrani.<sup>153</sup> Ibn al-'Arabī memberi amaran bahawa mengulang cerita-cerita yang sedemikian adalah antara dosa yang terbesar (*akbar al-kabā'ir*)<sup>154</sup> yang akan menyebabkan seseorang dibenci dan dijauhi malaikat, serta dimurkai Allah.<sup>155</sup> Cerita-cerita seperti itu boleh menyebabkan kalangan yang lemah agama menganggapnya sebagai lesen untuk berbuat maksiat,<sup>156</sup> dan tidakkah ini telahpun berlaku kepada kebudayaan Biblical?

Ibn al-'Arabī menyanggah institusi Agama Yahudi dan Kristian yang menyengutkan Allah SWT dengan sesuatu.<sup>157</sup> Kalau kaum Yahudi menuduh Maryam sebagai pezina dan Isa sebagai anak haramnya,<sup>158</sup> Ibn al-'Arabī menyangkalnya

<sup>148</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 3: 562 (baris 3).

<sup>149</sup> *Ibid.*, 3: 455, 562 (baris 3).

<sup>150</sup> *Ibid.*, 2: 256 (baris 14).

<sup>151</sup> *Ibid.*, 3: 454-5.

<sup>152</sup> *Ibid.*, 2: 256 (baris 14); 3: 562 (baris 3).

<sup>153</sup> *Ibid.*, 3: 562 (baris 3).

<sup>154</sup> *Ibid.*, 3: 454-5.

<sup>155</sup> *Ibid.*, 2: 256 (baris 14).

<sup>156</sup> *Ibid.*, 2: 256 (baris 14), 3: 454-5.

<sup>157</sup> Ibn al-'Arabī, *Ijāz*, 207.

<sup>158</sup> Mengenai dokumentasi dakwaan Yahudi seperti yang tersebut, lihat contohnya, Raymond E. Brown (1993), 'The Charge of Illegitimacy,' *The Birth of the Messiah: A Commentary on the Infancy Narratives in the Gospels of Matthew and Luke Narratives*, London: Geoffrey Chapman, Appendix V, h. 534-42.

sebagai dusta besar.<sup>159</sup> Ajaran Kristian bahawa Isa itu berdwi-sifat, iaitu sekaligus anak seorang lelaki (Joseph) dan Anak Tuhan, dan bahawa Isa itu Tuhan, juga digugat oleh Ibn al-'Arabī, antara lainnya sebagai kufur, dusta (*sabb*), *religious extremism* (*al-ghuluww*), kasar dan buta akan hakikat dan kebenaran.<sup>160</sup> Beliau juga membidas sikap *exclusivism* (*al-iqtisār*) penganut agama Yahudi dan Kristian.<sup>161</sup> Trinita disanggah oleh Ibn al-'Arabī sebagai kufur, dusta (*mayn*),<sup>162</sup> dan sesat (*al-dalāl*);<sup>163</sup> begitu juga pengkultusan Mary.<sup>164</sup> Pensaliban Isa tidak pernah berlaku; ia hanya pendustaan sejarah.<sup>165</sup> Orang Kristian dan icon (*ṣūrah*) salib yang disamakannya dengan Tuhan (*mithl*) adalah antara makanan Jahannam (*hasabu Jahannam*).<sup>166</sup>

#### 4. Agama adalah Penyerahan Zahir dan Batin kepada Allah

Penegasan bahawa perilaku penyerahan mestilah bersifat zahir dan batin adalah kerana, dalam faham Ibn al-'Arabī, Bicara Allah (*al-khitāb*) kepada manusia adalah ditujukan secara serentak kepada zahir dan batin mereka.<sup>167</sup> Setiap hukum-hakam yang dishariahkan kepada zahir manusia -

<sup>159</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 1: 138, 223, 237, 279; 2: 70, 387-8, 417, 470, 472, 491, 689; 3: 11, 182, 347, 390, 514; 4: 116 (baris 26). Lihat juga Ibn al-'Arabī, *Fuṣūṣ*, 1: 138-50; *idem.*, *K. al-Isrā'*, h. 199-200; *idem.*, *Raḥmah*, 3: 43-50.

<sup>160</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 1: 124, 191, 276, 552, 596, 652, 664; 2: 202, 387-8, 405 (baris 14), 579-80, 631; 3: 50, 149, 162, 166 (baris 26), 267, 274, 278, 350, 375-6, 398-9, 445; 4: 93 (baris 29), 387 (baris 8), 410 (baris 10), 437 (baris 19); *idem.*, *Fuṣūṣ*, 1: 141, 146-7.

<sup>161</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 2: 405; 3: 162; 4: 93 (baris 29)

<sup>162</sup> *Ibid.*, 4: 370 (baris 22).

<sup>163</sup> *Ibid.*, 4: 382 (baris 28). Lihat sanggahan terhadap Trinita dalam 2: 215; 3: 499; 4: 306 (baris 31), 370 (baris 19).

<sup>164</sup> *Ibid.*, 2: 631; 3: 267, 278, 354; 4: 410 (baris 10).

<sup>165</sup> *Ibid.*, 2: 205, 388 (baris 6); 4: 117 (baris 5)

<sup>166</sup> Ibn al-'Arabī, 'Al-Qism al-Ilāhī', dalam *Rasā'īl*, jil. 1, risalah no. 9, h. 16.

<sup>167</sup> Ibn al-'Arabī, *Futūḥāt*, 1: 334, 338.

iaitu perbuatan-perbuatan yang boleh tertanggap secara inderawi (*af'āl mahsūsāh*) - mempunyai aspek-aspek ma'nawi batinnya.<sup>168</sup>

Ibn al-'Arabī menyanggah golongan Batiniyyah yang hanya menanggap aspek-aspek batin hukum-hakam shariah dan meninggalkan aspek-aspek zahirnya; bagi Ibn al-'Arabī, mereka sebenarnya menelantarkan hukum-hakam shariah (*ta'tīl ahkām al-shar'*), meroboh dasar agama yang di-shariatkan (*hadm qā'idah dīniyyah mashrū'ah*), dan menyimpang dari kehendak Allah ('*udūl 'ammā arāda al-Shāri' bi al-ahkām*). Ibn al-'Arabī menyatakan bahawa, bagi sekalian dan setiap orang yang beriman, Batiniyyah adalah golongan yang tercela secara mutlak (*madhmūm bi al-itlāq*),<sup>169</sup> mereka adalah golongan yang paling jahil mengenai *ḥaqā'iq* (*ajhal al-nās bi al-ḥaqā'iq*).<sup>170</sup> Barangsiapa yang jahil mengenai yang zahir, maka terlebih jahil lagilah dia mengenai yang batin; ini kerana, yang zahir adalah penunjuk (*al-dalīl*) kepada yang batin - sesiapa yang lalai mengenai yang zahir, maka lebih jauhlah dia daripada yang batin.<sup>171</sup> Ibn al-'Arabī turut menyangkal pandangan golongan Zāhiri totok yang sebegitu terpaku dalam akar umbi zahiriyyahnya hingga ke peringkat memperjism dan mempersamakan Tuhan dengan manusia (*al-tajsim wa al-tashbih*); mereka turut tercela dalam Shara'.

Keadaan pertengahan lagi terbaik, yang bakal mengesahkan Cinta Allah Yang Ḥaqq (*mahabbat al-Ḥaqq, mahabbat Allāh*), dan Kebahagiaan yang berkekalan (*al-sa'ādah al-dā'imah*), adalah dengan menelusuri jejak dan langkah perjalanan Rasulullah atas tiap-tiap keadaan, persis perintah-Nya kepada NabiNya supaya berkata, 'Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu'.<sup>172</sup> Justeru dalam

<sup>168</sup> *Ibid.*, 3: 240.

<sup>169</sup> *Ibid.*, 3: 240.

<sup>170</sup> *Ibid.*, 3: 373.

<sup>171</sup> *Ibid.*, 4: 152.

<sup>172</sup> *Ibid.*, 3: 240.

ajaran Ibn al-'Arabi, agama itu sinonim dengan pengikutan Nabi (*al-ittibā'*), ketaatan kepada Rasul (*al-tā'ah*), mencontohi Nabi (*al-iqtidā'*), meneladani Rasul (*al-ta'assī*), hal mengikuti Nabi (*al-i'timām*), dan hal menerima ajaran Rasul dengan rela (*al-'iqbāl*).<sup>173</sup>

## Penutup

Haruslah diingat bahawa menurut Ibn al-'Arabi (dan Kaum Muslimin sejati), agama dalam pengertiannya yang sempurna itu sarat menggabungkan pelbagai elemen penting. Agama itu terasnya kepercayaan dan keyakinan (*īmān*), yang seterusnya terpancar pula menerusi berbagai dimensi amalan ibadah, sama ada perilaku ritual, etika, mahupun pengalaman mistik, malah termasuklah matra kehidupan duniawiah, budaya dan tamadun yang diperhalus-luhur oleh agama tersebut.<sup>174</sup> Dalam memperbanding kebaikan dan mempertentang kebenaran berbagai ragam agama, haruslah jelas medan perbandingannya, dan malah diperikan pula butiran lanjutnya; sama ada perbandingan dan pertentangan itu berlaku dalam selok-belok akidah dasar, ataupun dalam aplikasinya pada upacara-upacara keagamaan, perincian ciri-ciri moral, dan pengalaman batin agama-agama tersebut.

Bagi Ibn al-'Arabi, Agama Islam amat menghargai sesiapa pun juga yang taat dalam agama, kerana sememangnya umat manusia wajib patuh beragama, zahir dan batin, dengan sehabis kemampuan diri, sebagai menunai perjanjian asalnya dengan Tuhan. Bagi mereka yang beriman, cara-cara untuk patuh, termasuklah dalam berhubung antara berbagai penganut agama yang berlainan, dibimbing oleh Allah SWT melalui *Tanzil* yang diwahyukan kepada Rasulullah. Pertentangan faham agama yang timbul

<sup>173</sup> *Ibid.*, 1: 463, 486, 637, 717; 2: 32, 341, 498; 3: 321, 414; 4: 102, 105, 270, 348, 414, 456.

<sup>174</sup> Bandingkan John Edward Sullivan (1977), 'The Idea of Religion - Part One,' *The Great Ideas Today 1977*, Chicago: Encyclopaedia Britannica, Inc., h. 216.

apabila KeesaanNya digugat, Kebenaran RasulNya didustai, dan Ajaran *Tanzil*Nya disanggh harus diselesai berdasarkan ilmu yang hakiki, dan bukannya secara provokasi dan kekerasan; walaupun berbeza agama, mereka mestilah memupuk sikap saling berbelas-kasihan (*shafaqah*) dan berkasih-sayang (*rahmah*) sebagai saudara sesama manusia yang berasal dari jiwa yang satu.